

BAB TIGA

HUKUM PERGAULAN ANTARA LELAKI DAN PEREMPUAN DALAM PENDIDIKAN

3.1. Pengenalan

Bab ini akan membicarakan hukum pergaulan secara khusus dalam bidang pendidikan. Secara umumnya, bab ini merangkumi pandangan Islam terhadap pendidikan wanita, sorotan sejarah pendidikan wanita di dalam tamadun Islam dan hukum pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam bidang pendidikan. Seterusnya penulis juga membicarakan implikasi positif dan negatif pergaulan antara lelaki dan perempuan di bidang pendidikan.

3.2. Islam dan pendidikan wanita

Islam telah meletakkan ilmu di tempat yang paling mulia. Al-Quran dan al-sunnah telah menyaksikan prinsip ini dengan menegaskan keutamaan ilmu dan kelebihan para ulama.¹

Allah Taala telah berfirman tentang ketinggian martabat ilmu dan ulama iaitu:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ...

Maksudnya:

Allah Taala meninggikan (darjat) orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan (dengan) beberapa darjat...

Surah al-Mujadalah (58):11

¹ Yūsuf al-Qarḍawī, *al-ʿAqlu wa al-ʿIlmu fī al-Qurʾān al-Karīm*, h74, Muassasah al-Risālah, Beirut, 2001.

Justeru Islam menitikberatkan tentang ilmu dan pendidikan. Islam menganggap menuntut ilmu sebagai ibadah dan menyampaikan ilmu kepada orang lain dikira sebagai sedekah.

Dipandang dari kacamata Islam, pendidikan adalah proses mendidik yang melatih akal, jasmani dan ruh manusia berasaskan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu bagi melahirkan manusia yang bertaqwa.² Pendidikan berlaku secara tidak formal bermula dari saat seseorang itu lahir hinggalah ke akhir hayatnya.³ Manakala pendidikan formal berlaku dalam keadaan yang lebih tersusun apabila pengaruh-pengaruh fizikal, biologi, akhlak dan sosial disusun dan dicipta oleh guru-guru, sekolah-sekolah, kolej-kolej dan lain-lain pusat pendidikan.⁴

Pendidikan pada zaman awal Islam berlaku secara formal dan tidak formal. Pendidikan berlaku secara tidak formal apabila para sahabat belajar daripada Rasulullah S.A.W. tentang sesuatu perkara secara tidak langsung semasa mereka mendampingi baginda dalam kehidupan seharian. Manakala pendidikan secara formal berlaku di masjid-masjid apabila Rasulullah S.A.W. mengadakan kelas-kelas pengajian untuk para sahabat lelaki dan wanita.

² Abdul Halim, *op.cit.*, h 2

³ Hussein Haji Ahmad, *Pendidikan dan Masyarakat :Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan*, h 294, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993.

⁴ Abdul Halim El-Muhammady (1991), *op.cit.* h 1.

3.1. Pengenalan

Bab ini akan membicarakan hukum pergaulan secara khusus dalam bidang pendidikan. Secara umumnya, bab ini merangkumi pandangan Islam terhadap pendidikan wanita, sorotan sejarah pendidikan wanita di dalam tamadun Islam dan hukum pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam bidang pendidikan. Seterusnya penulis juga membicarakan implikasi positif dan negatif pergaulan antara lelaki dan perempuan di bidang pendidikan.

3.2. Islam dan pendidikan wanita

Islam telah meletakkan ilmu di tempat yang paling mulia. Al-Quran dan al-sunnah telah menyaksikan prinsip ini dengan menegaskan keutamaan ilmu dan kelebihan para ulama.¹

Allah Taala telah berfirman tentang ketinggian martabat ilmu dan ulama iaitu:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ...

Maksudnya:

Allah Taala meninggikan (darjat) orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan (dengan) beberapa darjat...

Surah al-Mujādalah (58):11

¹ Yūsuf al-Qarḍawī, *al-Aqlu wa al-Ilmu fī al-Qurān al-Karīm*, h74, Muassasah al-Risālah, Beirut, 2001.

Justeru Islam menitikberatkan tentang ilmu dan pendidikan. Islam menganggap menuntut ilmu sebagai ibadah dan menyampaikan ilmu kepada orang lain dikira sebagai sedekah.

Dipandang dari kacamata Islam, pendidikan adalah proses mendidik yang melatih akal, jasmani dan ruh manusia berasaskan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu bagi melahirkan manusia yang bertaqwa.² Pendidikan berlaku secara tidak formal bermula dari saat seseorang itu lahir hinggalah ke akhir hayatnya.³ Manakala pendidikan formal berlaku dalam keadaan yang lebih tersusun apabila pengaruh-pengaruh fizikal, biologi, akhlak dan sosial disusun dan dicipta oleh guru-guru, sekolah-sekolah, kolej-kolej dan lain-lain pusat pendidikan.⁴

Pendidikan pada zaman awal Islam berlaku secara formal dan tidak formal. Pendidikan berlaku secara tidak formal apabila para sahabat belajar daripada Rasulullah S.A.W. tentang sesuatu perkara secara tidak langsung semasa mereka mendampingi baginda dalam kehidupan seharian. Manakala pendidikan secara formal berlaku di masjid-masjid apabila Rasulullah S.A.W. mengadakan kelas-kelas pengajian untuk para sahabat lelaki dan wanita.

² Abdul Halim, *op.cit.*, h 2

³ Hussein Haji Ahmad, *Pendidikan dan Masyarakat :Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan*, h 294, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993.

⁴ Abdul Halim El-Muhammady (1991), *op.cit.* h 1.

Selain dari al-Quran, al-sunnah juga turut menekankan tentang kepentingan ilmu dan pendidikan. Contohnya hadith yang menyatakan kewajiban menuntut ilmu.

Rasulallah S.A.W. telah bersabda:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ⁵

Maksudnya:

“Menuntut ilmu itu wajib bagi setiap individu muslim.”

Ayat 11 Surah al-Mujādalah dan hadith ini diaplikasi ke atas muslim dan muslimah. Menuntut ilmu khususnya dalam perkara-perkara asas agama adalah wajib ke atas setiap muslim samada lelaki atau wanita.⁶ Orang yang berilmu samada lelaki atau wanita adalah tinggi darjatnya. Oleh itu Islam menganjurkan supaya wanita diberikan peluang untuk mendapatkan ilmu sama seperti lelaki. Dalam menyampaikan ilmu Rasulullah S.A.W. tidak membezakan hak mendapatkan ilmu antara lelaki dan perempuan. Sejarah silam menyaksikan majlis-majlis ilmu dihadiri oleh lelaki dan wanita.⁷ Pada masa yang sama Sayidatina Ā'isyah R.A. telah memuji kaum wanita Ansar dalam menuntut ilmu dengan berkata:

نَعِمَ النِّسَاءُ نِسَاءُ الْأَنْصَارِ لَمْ يَمْنَعْنَهُنَّ الْحَيَاءُ أَنْ يَتَفَقَّهْنَ فِي الدِّينِ.⁸

⁵Abū al-Ḥasan al-Hanafī al-Sindī (1996), *Sunan Ibn Mājah*, al-Muqaddimah, no. hadith :224

⁶*Ibid.*, jil. 1, h. 147

⁷Abū al-A'īn al-Maudūdī (1988), *al-Hijāb*, c.5. Jeddah: al-Dar al-Sa'udiyyah, h.264.

⁸al-Bukhārī (t.t.), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-'Ilmi, Bāb al-Hayā' fi al-'Ilmi, jil.1, h.151

Maksudnya:

“Sebaik-baik wanita ialah wanita Ansar kerana malu tidak menghalang mereka daripada (belajar) memahami agama”.

Wanita pada zaman Rasulullah S.A.W. bukan sahaja akur dengan hak mereka dalam mendapatkan ilmu malah mereka begitu bersemangat untuk menuntut ilmu khasnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan fardu ain hinggalah mereka mencadangkan kepada Rasulullah S.A.W. agar mengadakan kelas khas bagi kaum wanita.⁹

Pada zaman selepas itu, wanita-wanita muslimah bukan sahaja menuntut ilmu malah mereka sendiri menganjurkan majlis-majlis ilmu seperti yang dikendalikan oleh Sukaynah binti al-Husayn. Majlis beliau telah dihadiri oleh al-Imam al-Syāfi‘i.¹⁰

Logiknya, wanita kini perlu mendapat pendidikan yang akan menjadikannya seorang muslimah yang berkualiti, berilmu pengetahuan dan terlatih dengan kemahiran-kemahiran sebagai seorang wanita. Hal ini penting kerana wanita mempunyai peranan yang amat penting dalam menjana ummah iaitu mendidik anak-anaknya. Oleh itu Islam memberikan hak kepada wanita untuk menuntut ilmu dengan cara yang sesuai dengan sifat dan fitrahnya.¹¹

⁹ Abdul Rahman I. Doi (1992), *Women In Shariah*. C.4. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, h. 138.

¹⁰ Al-Qaraḍāwī (1993), *Muslimah al-Ghad*. Mesir: Dar al-Wafa, h.22.

¹¹ Abu Urwah (1989), *Wanita dan kekeluargaan*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam ,h. 21.

Contohnya wanita diharuskan belajar di dalam bidang yang sesuai dengan sifat dan fitrahnya sebagai seorang wanita seperti perguruan, kejururawatan, pengkeranian dan sebagainya, yang mana ilmu-ilmu ini akan membantu wanita tersebut mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengannya. Dengan itu wanita dapat membantu keluarganya dan menyumbang tenaga dalam memajukan masyarakat dan negara.

Di samping itu antara aspek penting yang perlu diambilkira oleh wanita dalam menuntut ilmu ialah keseimbangan antara menuntut ilmu dan tanggungjawabnya sebagai anak, isteri, ibu mahupun surirumah.

3.3. Pendidikan wanita di dalam Tamadun Islam.

Setelah membincangkan pandangan Islam terhadap pendidikan wanita penulis akan cuba meneliti pengalaman-pengalaman yang telah dilalui oleh wanita-wanita Islam dalam usaha mereka menuntut ilmu. Untuk itu penulis telah membahagikan perbincangan kepada tiga fasa (zaman) iaitu zaman Rasulullah S.A.W., zaman kegemilangan Islam dan zaman kemunduran atau zaman taqlid.

3.3.1. Pendidikan wanita pada zaman Rasulullah S.A.W.

Rasulallah S.A.W. merupakan teladan yang agung dalam segenap aspek kehidupan muslim. Kehidupan Rasulullah S.A.W. dan para sahabat merupakan rujukan utama terhadap cara hidup yang dianjurkan oleh Islam.

Dalam konteks pendidikan wanita, Rasulullah S.A.W. telah meninggalkan contoh ikutan yang terbaik. Antaranya Rasulullah S.A.W. tidak pernah menghalang wanita daripada mendapatkan ilmu, malah mereka digalakkan untuk menghadiri majlis-majlis ilmu yang diadakan di masjid-masjid yang merupakan institusi pengajian yang penting pada ketika itu.¹² Ini berdasarkan kepada hadith baginda S.A.W.

إِذَا اسْتَأْذَنُكُم نِسَاءُكُمْ بِاللَّيْلِ إِلَى الْمَسْجِدِ فَأَذِّنُوا لَهُنَّ¹³

Maksudnya:

Sekiranya wanita-wanita kamu meminta izin untuk ke masjid di waktu malam maka izinkanlah mereka.

Di dalam hadith tersebut Rasulullah S.A.W. menyuruh kaum lelaki mengizinkan wanita di bawah jagaannya samada isteri atau anak daripada menghadirkan diri ke masjid walaupun di waktu malam. Keizinan untuk ke masjid ini bukan untuk solat sahaja, malah termasuklah untuk menuntut ilmu.

Malah ada ketikanya wanita yang dalam keadaan haid juga disuruh keluar ke masjid. Ini berdasarkan kepada riwayat Ummu 'Atiyyah bahawa beliau telah berkata:

¹² 'Ali Jarisyah(1986), *Nahwu Nazariyyât li al-tarbiyyah al-Islâmiyyah*. Kaherah:Maktabah Wahbah, h.163.

¹³ Muslim (1987), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Solāh, Bāb Khuruj al-Nisā' ila al-Masājid, no.hadith 442.

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ قَالَتْ : أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فِي يَوْمٍ الْعِيدِ أَنْ تَخْرُجَ الْعَوَاتِقُ وَذَوَاتِ الْخُدُودِ وَالْحَيْضُ فَيَعْتَرِلْنَ الْمُصَلَّى

14

Maksudnya:

Rasulullah S.A.W. telah menyuruh keluar pada dua hari raya (aidilfitri dan aidiladha) , gadis-gadis dan hamba-hamba wanita yang muda , dan baginda menyuruh wanita yang haid menjauhi tempat solat kaum muslimin.

Tujuan Rasulullah S.A.W. menyuruh wanita keluar pada hari tersebut meskipun dalam keadaan haid ialah untuk meraikan kegembiraan berhariraya dan mendengar khutbah yang akan disampaikan oleh baginda yang mana khutbah merupakan salah satu cara penting untuk Rasulullah S.A.W. menyampaikan ajaran-ajaran Islam kepada kaum muslimin.¹⁵

Selain daripada itu Rasulullah S.A.W. telah menjadikan rumah baginda sebagai pusat untuk para sahabat lelaki dan wanita berkumpul untuk mendengar majlis-majlis ilmu yang diadakan oleh baginda. Di samping itu para isteri baginda juga turut memainkan peranan penting dalam menggerakkan majlis-majlis ilmu yang diadakan untuk para sahabat.¹⁶ Pada masa yang sama Rasulullah S.A.W. mengiktiraf perbezaan yang wujud antara lelaki dan perempuan. Contohnya tabiat tanggungjawab wanita yang sibuk dengan urusan rumahtangga dan mendidik anak-anak menyebabkan mereka sukar untuk sentiasa berada bersama Rasulullah

¹⁴ Muslim(1987) ,*op.cit.* , Kitāb al-‘Idayn, Bāb Zikr Ibāhah Khurūj al-Nisā’ fi al-‘Idayn ilā al-Musallā, no. hadith 890

¹⁵ Hafsa Almad Hasan (2001), *Usul al-Tarbiyyah al-Mar’ah al-Muslimah al-Muāsarah.* Beirut:Muassasah al-Risālah, h 186.

¹⁶ *Ibid.* h189

S.A.W. untuk mendengar ilmu daripada baginda. Oleh itu Rasulullah S.A.W. telah mengkhususkan hari tertentu untuk kaum wanita belajar daripada baginda.¹⁷

Pada zaman Rasulullah S.A.W. wanita juga dianjurkan untuk mengajar ilmu yang ada pada mereka. Para isteri baginda yang mendapat pendidikan secara langsung daripada baginda hasil kehidupan mereka bersama merupakan pusat rujukan para sahabat. Contohnya 'Aisyah R.A telah meriwayatkan lebih daripada dua ribu dua ratus sepuluh hadith daripada Rasulullah S.A.W. hinggakan ilmu beliau sukar ditandingi oleh para sahabat walaupun beliau hanya berusia lapan belas tahun ketika Rasulullah S.A.W. wafat.¹⁸

Selain itu para sahabat wanita yang lain juga turut mengajar ilmu yang mereka pelajari, contohnya Asmā' R.A. telah meriwayatkan lebih empat puluh dua hadith. Sementara Ummu al-Ḥasan al-Basrī telah mengajar beberapa hal agama kepada kaum wanita pada zamannya.¹⁹

Kesimpulannya, wanita telah diberi peluang yang sama untuk menuntut ilmu pada zaman Rasulullah S.A.W. Hasil penelitian terhadap riwayat-riwayat mengenai pendidikan wanita pada zaman Rasulullah S.A.W. didapati bahawa wanita menyertai kaum lelaki semasa kelas pengajian diadakan samada di masjid atau di rumah baginda. Fenomena ini dilihat berterusan hingga zaman *Khulafā al-Rāsyidīn*.

¹⁷ Badaruddin al-ʿAynī (1980), *ʿUmdat al-Qārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j.2.Beirut: Dar Ihyā' al-Turāth al-ʿArabī, h.134

¹⁸ Ibn al-Athīr, *Usud al-Ghābah fī Maʿrifat al-Sahābah*, j.5.Beirut:Dār al-Maʿrifah, h.343.

¹⁹ Hafsah Ahmad Hasan (2001), *op.cit.*, h.192

3.3.2. Pendidikan wanita pada zaman kegemilangan Islam.

Zaman kegemilangan Islam merujuk kepada tempoh masa antara kurun kedua hingga pertengahan kurun keempat hijrah. Perubahan sosial dan politik yang berlaku pada zaman kegemilangan Islam telah mempengaruhi pendidikan wanita. Zaman kegemilangan Islam telah menyaksikan Islam telah tersebar dengan luas.

Institusi pendidikan yang disertai oleh wanita juga telah bertambah. Masjid tetap memainkan peranannya sebagai tempat menuntut ilmu yang ulung. Tradisi warisan Rasulullah S.A.W. ini masih berterusan malah dikatakan pada zaman Kerajaan ‘Abbasiyyah wanita-wanita telah membanjiri masjid hingakan kaum lelaki terpaksa bersolat di belakang mereka.²⁰

Pondok-pondok pengajian yang dikenali sebagai *al- katātib* mula didirikan oleh ulama atau hartawan khusus untuk dijadikan tempat menuntut pelbagai jenis ilmu bagi lelaki dan perempuan. Sementara itu golongan sufi juga telah mendirikan pondok-pondok pengajian sedemikian yang dikenali sebagai *ribat*. *Ribāt* dilengkapi dengan kemudahan tempat tinggal bagi penuntut samada lelaki atau wanita. Sebilangan besar wanita telah mengambil peluang untuk belajar di *ribāt*. Antaranya Rabīah al-‘Adawiyyah (135 Hijrah). Kebanyakan *ribāt* diberikan nama sempena nama pengasasnya. Antaranya *ribāt* yang terkenal di Baghdad ialah *Ribāt* Syahidah binti al-Abri dan *Ribāt* Zamrud di Khatun²¹.

²⁰ Ali Jarisyah (1986), *op.cit.*, h.177

²¹ Hafsaah Ahmad Hasan (2001), *op.cit.*, h.214

Selain daripada itu rumah-rumah ulama juga telah menjadi institusi pendidikan yang dihadiri oleh wanita. Kebanyakan wanita yang belajar di rumah-rumah ulama ini terdiri daripada ahli keluarga ulama itu sendiri. Contohnya seorang ulama yang bernama Īsa bin Mukmin (888 M) telah mengadakan kelas khusus untuk anak-anaknya dan anak-anak saudara perempuannya.²²

Pada zaman itu pusat pengajian ilmu perubatan dikenali sebagai *pemaristan*. *Pemaristan* pada asalnya merupakan tempat rawatan bagi orang sakit yang kemudiannya berkembang menjadi pusat latihan bagi bakal-bakal doktor dan jururawat. Institusi ini telah mengasingkan antara pelajar lelaki dan perempuan. Pusat ini telah disusun dengan rapi dan diletakkan di bawah pentadbiran seorang ketua doktor. Setiap pelajar yang tamat pengajian akan diberikan ijazah dan perlu menduduki peperiksaan tertentu untuk melayakkannya mereka menjalankan rawatan ke atas orang lain.²³

Selain daripada itu istana juga telah memainkan peranan sebagai pusat ilmu bagi wanita golongan atasan. Mereka telah menjemput guru dan ulama ke istana untuk mengajar kaum wanita di sana termasuklah dari golongan hamba. Contohnya Zubaydah bint Ja'far isteri Hārūn al-Rasyid yang pakar dalam bidang syair dan adab Arab hasil pendidikan yang diperolehi di istana. Bahkan lebih seratus dari hamba-hamba perempuan di istana itu berpeluang belajar menulis dan membaca, malah ada di kalangan mereka yang mampu menghafaz al-Quran.²⁴

²² *Ibid.*, h.213

²³ Hafsaah Ahmad Hasan (2001), *op.cit.*, h.214

²⁴ *Ibid.*, h.215

Pada pertengahan kurun kelima institusi pendidikan telah memasuki lembaran baru apabila sekolah-sekolah berasrama telah dibina sebagai tempat pengajian formal bagi lelaki dan perempuan²⁵. Menurut Ibn Jamāah perempuan juga turut belajar di sekolah-sekolah tersebut bersama lelaki tetapi mereka tidak dibenarkan bercampur gaul. Contohnya pelajar perempuan tidak dibenarkan berada di tempat laluan pelajar lelaki.²⁶

Pendidikan pada zaman kegemilangan Islam amat menitikberatkan aspek akhlaq dan adab. Pengasingan antara kelas lelaki dan perempuan di sekolah-sekolah pada ketika itu adalah atas dasar untuk menjaga akhlaq dan mengelakkan timbulnya gejala sosial. Kenyataan ini telah disokong oleh Ibn Saḥnūn yang mengatakan percampuran antara pelajar lelaki dan perempuan boleh membawa kepada pelbagai implikasi buruk.²⁷

3.3.3. Pendidikan wanita pada zaman kemunduran Islam.

Zaman kemunduran Islam merujuk kepada zaman apabila gejala taqlid mula menular di kalangan umat Islam. Gejala ini lahir pada pertengahan kurun keempat Hijrah. Ia berpunca daripada perkembangan politik yang tidak sihat pada waktu itu di dunia Islam. Umat Islam pada waktu itu telah berpecah kepada

²⁵ Abdul Amir Z. Syamsuddin (1990), *Al-Fikr al-Tarbawi Inda Ibn Jamaah*. Beirut: al-Syarikat al-Alamiyyah li al-Kitāb, h.37

²⁶ Badruddin bin Jamaah (t.t), *Tazkirat al-Sami' wa al-Mutakallim fi Adab al-lim wa al-Mutaallim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h.299

²⁷ Hafsaḥ Aḥmad Hasan (2001), *op.cit.*, h.216

banyak kumpulan, malah kepada beberapa negara yang saling bercakaran berebut kuasa dan kemegahan.²⁸

Gejala taqlid yang melanda para ulama dan umat Islam telah membantutkan arus penyebaran ilmu pengetahuan. Mereka hanya berpada dengan ilmu yang telah sedia ada dan menolak sebarang pembaharuan atau idea-idea baru. Fenomena ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada peluang belajar untuk wanita. Tambahan pula beberapa hak wanita telah dinafikan pada zaman tersebut. Semua ini berlaku atas alasan *sadd al-dharâi'*, iaitu wanita-wanita dilarang keluar dari rumah walaupun untuk ke masjid, atau menyertai solat hari raya. Keadaan ini bertambah teruk dengan kemunculan pelbagai hadith *maudu'* dan *dhaif* yang menyokong salah faham terhadap prinsip Islam tentang kedudukan wanita dan haknya. Antaranya ialah "*Bermesyuaratlah dengan wanita, kemudian ketepikanlah pandangannya*" dan banyak lagi.²⁹

Wanita-wanita yang keluar menuntut ilmu di luar rumah telah dipandang serong oleh masyarakat. Hanya segelintir wanita yang berpeluang belajar di *katâtib* yang biasanya mempunyai kaitan dengan keluarga wanita tersebut. Bagi golongan yang berkemampuan pula mereka menjemput ulama ke rumah mereka untuk mengajar ilmu-ilmu yang hendak dipelajari. Situasi ini telah dimanipulasi oleh mubaligh-mubaligh kristian. Mereka telah mengadakan kelas-kelas pengajian memasak, menjahit, menulis dan membaca untuk wanita-wanita Islam. Kelas-

²⁸ Mahmood Zuhrî b.Haji Abdul Majid (1992), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, cet.2 Kuala Lumpur:Universiti Malaya, h.214

²⁹ Hafsa Ahmad Hasan (2001), *op.cit.*, h.226

kelas ini diadakan di rumah-rumah memandangkan masyarakat memandang serong kepada wanita yang keluar dari rumah.³⁰

Penjajahan Barat telah membuka lembaran baru dalam sejarah pendidikan umat Islam apabila pihak penjajah mula mendirikan sekolah-sekolah yang mencampurkan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Di Sudan, mereka mendirikan sekolah rendah bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan untuk mengajar membaca, menulis, menyanyi, dan muzik. Mereka juga turut mendirikan institusi pengajian di peringkat yang lebih tinggi yang mencampurkan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Namun masyarakat pada ketika itu tidak dapat menerima percampuran ini di peringkat remaja. Remaja perempuan yang belajar di pusat pengajian yang bercampur dengan pelajar lelaki telah menerima kecaman yang hebat walaupun masih menjaga auratnya.³¹

Pembinaan sekolah masih berterusan, pada akhir zaman kemunduran umat Islam, kerajaan Turki telah mendirikan sekolah khusus untuk pelajar perempuan. Ini disebabkan kesedaran yang mula timbul di kalangan umat Islam tentang kepentingan memahami Islam dengan kefahaman yang sebenar sebagaimana yang telah diajar oleh baginda Rasulullah S.A.W. Kesedaran ini telah membantu golongan wanita mendapatkan kembali haknya untuk menuntut ilmu sebagaimana kaum lelaki.³²

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*, h.231

³² *Ibid.*, h.240

3.4. Hukum pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan.

Kebanyakan sistem pendidikan formal hari ini seperti sekolah, kolej atau universiti tidak mengasingkan antara penuntut lelaki dan perempuan. Bilangan pusat pengajian tinggi yang khusus untuk lelaki atau kolej yang khusus untuk perempuan amat terhad. Ini bermakna penyertaan perempuan dalam arus pendidikan terutamanya pada peringkat tinggi akan mendedahkannya kepada pergaulan dengan lelaki.

Pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan melibatkan antara guru lelaki dan penuntut perempuan atau sebaliknya dan antara sesama penuntut lelaki dan penuntut perempuan. Fenomena ini menimbulkan persoalan tentang hukum pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan. Sebilangan ulama berpendapat wanita tidak harus bergaul dengan lelaki walaupun untuk tujuan menuntut ilmu.³³ Sebahagian yang lain pula mengatakan wanita harus bergaul dengan lelaki dalam usahanya untuk menuntut ilmu.³⁴ Perdebatan ulama ini berpunca daripada ketiadaan dalil khusus dari al-Quran atau al-Sunnah yang membenarkan atau mengharamkan pergaulan seperti ini.

Perbincangan tentang hukum pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan berpaksikan kepada hadith riwayat Abū Sa'īd al-Khudrī iaitu:

قَالَتِ النِّسَاءُ لِلنَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - غَلَبَنَا عَلَيْكَ الرَّجَالُ فَاجْعَلْ
لَنَا يَوْمًا مِنْ نَفْسِكَ فَوَعَدَهُنَّ يَوْمًا لِلنِّسَاءِ لَقِيَهُنَّ فِيهِ فَوَعَظَهُنَّ وَأَمَرَهُنَّ

³³ Abdul Karim Zaydan (1994), *op.cit.*, j.3, h. 431.

³⁴ Abdul Fatah Mahmud Idris (1993), *Ahkām al-Aurāh Fī al-Fiqh al-Islāmī*, j.2. al-Azhar, h. 864.

فَكَانَ فِيمَا قَالَ لَهُنَّ: " مَا مَثَلُ امْرَأَةٍ تَقْدُمُ ثَلَاثَةَ مِنْ وَلَدِهَا إِلَّا كَانَ لَهَا حِجَابًا مِنَ النَّارِ " . فَقَالَتْ امْرَأَةٌ : وَاثْنَيْنِ ؟ قَالَ : " وَاثْنَيْنِ " ³⁵

Maksudnya:

Golongan wanita berkata kepada Nabi S.A.W.: Golongan lelaki mengatasi kami ke atas kamu (kaum lelaki sentiasa bersamamu setiap hari mendengar hal-hal agama). Peruntukkan bagi kami satu hari bersamamu (untuk mendengar dan belajar), lalu bagindapun memperuntukkan satu hari untuk bertemu (mengajar) golongan perempuan, maka baginda menasihati dan mengajar mereka. Di antara nasihat baginda kepada mereka ialah " Sesiapa di antara kamu yang menyerahkan tiga anaknya (untuk perang jihad dan anak itu mati syahid) pasti anak-anak itu menjadi penghalangnya dari api neraka". Seorang perempuan berkata kalau dua orang? Baginda bersabda: "Walau dua orang (begitu juga)".

Berdasarkan hadith ini sesetengah ulama berpendapat bahawa wanita tidak boleh belajar bersama lelaki di tempat yang sama. Menurut ‘Abdul Fatah Maḥmūd Idris, hadith ini menunjukkan pergaulan antara lelaki dan perempuan adalah dilarang di dalam pendidikan. Oleh sebab itu Rasulullah S.A.W. telah akur dengan permintaan kaum wanita lalu baginda mengkhususkan satu hari untuk wanita belajar dan menuntut ilmu daripada baginda. ³⁶

Hal ini diakui oleh Dr. ‘Abdul Karīm Zaydān apabila beliau mengatakan tempat belajar untuk wanita hendaklah diasingkan daripada tempat belajar lelaki. Menurut beliau lagi pergaulan dalam pendidikan tidak dibenarkan walaupun wanita duduk di belakang lelaki seperti di dalam saf-saf solat berjemaah. ³⁷

³⁵ Al- Bukhārī (t.t.), *op.cit.* , Kitāb al-‘Ilmi, Bāb Hal Yuj‘al li al-nisā’ yawmun ...,no hadith 101.

³⁶ Abdul Fattah Maḥmūd Idris (1993), *op.cit.* , j.2. al-Azhar, h. 864.

³⁷ ‘Abdul Karīm Zaydān (1994), *op.cit.* , j.3, h. 432.

Namun jika diteliti perbuatan Rasulullah S.A.W. mengajar kaum wanita itu sendiri merupakan salah satu bentuk pergaulan antara lelaki dan perempuan semasa belajar. Menurut al-‘Aynī sebab utama kaum wanita meminta dikhususkan satu hari untuk mereka sahaja ialah keadaan majlis tersebut yang sesak dengan kaum lelaki yang sentiasa melazimi (berada bersama) Rasulullah S.A.W. dalam majlis-majlis ilmu baginda.³⁸

Keadaan ini menyukarkan bagi kaum wanita untuk bertanya dan berbincang dengan baginda secara lebih lanjut memandangkan suara lelaki lebih tinggi dari suara mereka, juga agak sukar bagi wanita untuk berbincang permasalahan khusus bagi wanita.³⁹ Ertinya pengkhususan hari untuk wanita bukan kerana tegahan bergaul semasa belajar, tetapi atas dasar tabiat dan fungsi lelaki dan wanita yang berbeza.⁴⁰ Sifat kaum wanita yang lemah untuk bersesak-sesak dengan kaum lelaki di majlis-majlis ilmu dan keterbatasan waktu mereka yang sibuk dengan urusan rumahtangga dan mendidik anak-anak adalah sebab utama wanita pada ketika itu merasakan perlunya masa yang khusus bagi mereka.⁴¹

Tambahan pula terdapat pelbagai hadith sahih menunjukkan wanita pada zaman Nabi menyertai lelaki dalam majlis-majlis ilmu. Tidak kurang juga wanita yang meriwayatkan hadith daripada Rasulullah S.A.W. malah ada di kalangan

³⁸ Al-‘Aynī (1980), *op.cit.*, j.2 , h. 134.

³⁹ Muḥammad Baltāji (2000), *Makānat al-Mar'ah fī al-Qurān al-Karīm wa al-Sunnah al-Sahīhah*. Kaherah :Dar al-Salam, h.321.

⁴⁰ Dr. Anisah Abdul Ghani, *op.cit.*, h.247.

⁴¹ Al-‘Aynī (1980), *op.cit.*, j.2 , h. 134.

mereka yang menjadi sumber rujukan sahabat tentang sesuatu hukum.⁴² Antaranya 'Āisyah R.A. , Ummu Salamah R.A., Ummu 'Atiyyah R.A., dan banyak lagi.⁴³

Dr. Mustafā Sibā'i menyatakan pergaulan antara lelaki dan wanita diharuskan di dalam Islam pada tiga tempat sahaja. Pertama di tempat ibadat, kedua di tempat menuntut ilmu pengetahuan dan ketiga semasa jihad.⁴⁴

Manakala guru lelaki mengajar penuntut perempuan atau sebaliknya, diharuskan di dalam Islam berdasarkan kepada perbuatan baginda Rasulullah S.A.W. sendiri yang mengajar kaum wanita pada ketika itu.⁴⁵

Kesimpulannya, majoriti ulama berpendapat bahawa pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan merupakan antara pergaulan yang dibenarkan oleh syara' dengan mengambilkira batas-batas dan etika pergaulan di dalam Islam. Namun demikian ada juga pendapat yang mengatakan sebaliknya. Pengharaman ini didasarkan kepada kaedah *sadd zari'ah* . Pendapat ini didapati tidak bertentangan dengan pendapat majoriti ulama kerana mengelakkan pergaulan adalah langkah yang baik apabila batasan pergaulan tidak dapat dijaga. Oleh sebab kesesakan dan percampuran antara lelaki dan perempuan para sahabat

⁴² Muhammad Sa'īd Ramadān al-Būṭī (1996), *al-Mar'ah bayna Tughyān al-Nizām al-Gharbī wa Laṭā'if al-Tasyrī' al-Rabbānī*, Damsyik : Dar al-Fikr, H.84.

⁴³ Abdul Rahman I.Doi (1992), *op.cit.*, h.144.

⁴⁴ Mustafā Sibāi (1986), *Wanita Menurut Syariat Islam dan Peradaban Moden*. Halimuddin (terj). Kuala Lumpur:Pustaka Antara, h.161.

⁴⁵ 'Abdul Rahmān b. 'Alī al-Jawzī, (1993), *Aḥkām al-Nisā'*, c.2. Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, h.131.

wanita telah meminta Rasulullah S.A.W. mengasingkan kelas mereka daripada kelas lelaki.⁴⁶

3.5. Etika pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan

Demi menjaga keharmonian hubungan antara lelaki dan wanita serta menjamin keluhuran ilmu, Islam telah menggariskan beberapa etika khusus mengenai pergaulan antara lelaki dan wanita dalam pendidikan.

3.5.1. Menjaga batas-batas pergaulan yang umum

Yang dimaksudkan dengan batas-batas pergaulan yang umum ialah seperti menutup aurat, tidak bertabarruj, mendapat kebenaran suami atau penjaga dan tidak berlaku khalwat atas alasan belajar.

3.5.2. Menjaga pandangan

Setiap lelaki dan wanita perlu memelihara pandangan mereka daripada melihat perkara-perkara yang dilarang umpamanya melihat aurat wanita yang bukan *mahram* secara sengaja. Ini bererti, pandangan pertama yang tidak disengajakan atau pandangan yang tidak bertujuan maksiat dibolehkan.⁴⁷ sepertimana pandangan kerana keperluan yang tidak bertentangan dengan syara'.⁴⁸

⁴⁶ Al-'Ayni (1980), *op.cit.*, j.2, h. 134.

⁴⁷ al-Zamakhshari (1995), *op.cit.* j. 3, h.223.


⁴⁸ al-Syarbini (t.t), *op.cit.*, j.3, h.129.

Pandangan untuk tujuan belajar termasuk di dalam pandangan kerana keperluan yang dibenarkan oleh syara'.⁴⁹ Ini kerana penglihatan merupakan medium penting untuk belajar. Ini bermakna seorang guru boleh memandang penuntutnya yang berlainan jantina dengan syarat ianya tidak disertai unsur syahwat dan hanya sekadar yang diperlukan sahaja. Begitu juga hukum pandangan sesama penuntut yang berlainan jantina.

3.5.3. Kedudukan di dalam kelas.

Di dalam pendidikan formal pembelajaran biasanya diadakan di dalam kelas-kelas yang lebih tersusun. Keharusan bergaul antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan tidak bermakna mereka bebas duduk bercampur aduk di dalam kelas. Sebaliknya tempat duduk penuntut lelaki haruslah diasingkan daripada tempat duduk penuntut perempuan. Contohnya penuntut lelaki duduk di bahagian hadapan kelas, manakala penuntut perempuan duduk di belakang penuntut lelaki. Atau penuntut lelaki di sebelah kanan kelas manakala penuntut perempuan duduk di sebelah kiri kelas atau sebaliknya (rujuk rajah 3.1.).

Rajah 3.1 : Contoh kedudukan penuntut lelaki dan perempuan.



⁴⁹ Ibn Habib al-A'miri(1993), *Ahkām al-Nazar ilā al-Muḥarramāt* Beirut:Dār ibnHazm, h.23.

Kedudukan seperti yang dicadangkan pada rajah adalah didasarkan kepada hadith Rasulullah S.A.W. mengenai kedudukan saf lelaki dan wanita di dalam solat berjemaah yang bermaksud : *"Sebaik-baik saf bagi lelaki ialah yang paling hadapan dan yang seburuk-buruknya ialah yang paling belakang; dan sebaik-baik saf bagi wanita ialah yang paling belakang dan seburuk-buruknya ialah yang paling hadapan"*.⁵⁰ Manakala kedudukan seperti yang dicadangkan pada rajah B didasarkan kepada realiti kedudukan saf solat berjemaah di Malaysia pada hari ini.

3.5.4. Adab pertuturan

Wanita diharuskan bercakap dengan lelaki pada perkara-perkara yang *ma'ruf* dan untuk keperluan atau hajat yang tidak bertentangan dengan syara'. Al-imam al-Āynī mengatakan, -berdasarkan hadith Abū Sa'īd al-Khudrī- wanita harus bercakap dengan lelaki untuk tujuan pendidikan.⁵¹ Ini bermakna wanita harus bertanya, berbincang, berdiskusi dan sebagainya dengan lelaki *ajnabi* untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran dengan mengambilkira batas-batas pergaulan antara mereka. Namun wanita dilarang melunakkan suaranya ketika bercakap dengan lelaki *ajnabi* kerana ia boleh menarik perhatian dan merangsang syahwat serta boleh menimbulkan fitnah.⁵²

⁵⁰ Muslim (1987), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Solāh, Bāb Taswiyatu a-Sufūf, no. hadith 44

⁵¹ Al-Āynī, (1980), *op.cit.*, jil.2, h134

⁵² 'Abdul Karīm Zaidān, *op.cit.*, jil.3, h278

Allah Taala telah berfirman

فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ

قَوْلًا مَعْرُوفًا

Maksudnya:

Maka janganlah kamu (isteri-isteri Nabi) melunakkan suara dalam berbicara sehingga berkeinginanlah orang yang ada penyakit dalam hatinya, dan ucapkanlah perkataan-perkataan yang baik.

Surah al-Ahzāb(33):32

Di dalam ayat tersebut Allah Taala melarang wanita melunakkan suaranya ketika bercakap dengan lelaki ajnabi sebaliknya mereka (wanita) dibenarkan bercakap tentang perkara-perkara yang ma'ruf. Ini termasuklah perbincangan mengenai ilmu dan pendidikan.⁵³

3.5.5. Sentuhan

Menurut ahli psikologi, hubungan yang rapat antara guru dan pelajar merupakan satu kredit dalam pendidikan. Sentuhan pula dilihat sebagai salah satu cara untuk merapatkan hubungan sesama manusia. Oleh itu kurang memberi sentuhan kepada anak-anak dianggap sebagai satu kesalahan dalam mendidik

^{53c} Abd al-Karim Zaydan, *op.cit.*, jil. 3, h. 276

mereka.⁵⁴ Rasulullah S.A.W. kerap dilihat mendukung cucu-cucunya dan mencium mereka berdasarkan hadith riwayat Abu Hurairah r.a. :

قَبَّلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَسَنَ بْنَ عَلِيٍّ وَعِنْدَهُ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ التَّمِيمِيُّ جَالِسًا فَقَالَ الْأَقْرَعُ إِنَّ لِي عَشْرَةَ مِنَ الْوَلَدِ مَا قَبَّلْتُ مِنْهُمْ أَحَدًا فَنَظَرَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يَرْحَمُ 55

Maksudnya:

Pada suatu hari Rasulullah SAW mencium Al-Hasan Ketika itu Aqra' bin Habis At-Tamimiy sedang berada di rumah baginda. Berkata Aqra' : "Ya Rasulullah! Aku mempunyai sepuluh orang anak, tetapi aku tidak pernah mencium seorang pun dari mereka." Rasulullah melihat kepada Aqra' kemudian berkata : "Siapa yang tidak mengasihi, tidak akan dikasihi."

Dalam konteks pendidikan formal sentuhan mungkin boleh berlaku secara bersalaman antara guru dan penuntut yang berlainan jantina atau di kalangan penuntut sesama mereka.

Jika ditinjau teori fiqh mengenai hukum lelaki menyentuh wanita bukan mahram, majoriti ulama berpendapat wanita tidak harus menyentuh (bersalaman) dengan lelaki ajnabi. Ulama mazhab Maliki mengharamkannya secara mutlak samada sentuhan itu disertai unsur syahwat atau tidak. Manakala ulama mazhab Syafi'i pula mengharuskan wanita menyentuh lelaki ajnabi dengan dua syarat iaitu

⁵⁴ Hasan Haji Mohd. Ali (1996), *40 Kesilapan Mendidik Anak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.33

⁵⁵ Al- Bukhāri (t.t), *op.cit.*, Kitāb al-Adab, Bāb Rahmat al-walad wa Taqbilihī wa mua'anaqatihi, no. hadith 5997.

aman dari fitnah dan tidak ada unsur fitnah.⁵⁶ Ini bererti seorang lelaki boleh bersalaman dengan wanita yang sudah berumur dengan alasan aman dari fitnah dan tidak menimbulkan syahwat. Walaubagaimanapun adalah tidak wajar bagi lelaki yang beriman menghulurkan tangan untuk bersalaman dengan wanita *ajnabi* memandangkan Rasulullah S.A.W tidak pernah bersalaman dengan wanita *ajnabi* walaupun ketika ber*bai'ah* dengan mereka.⁵⁷

Ini bermakna seorang guru boleh menyentuh atau bersalaman dengan penuntut yang belum baligh dengan syarat aman dari fitnah. Manakala menyentuh atau bersalaman dengan penuntut yang baligh atau remaja adalah tidak dibenarkan di dalam Islam kerana ia boleh merangsang syahwat dan menimbulkan fitnah. Larangan ini termasuklah kepada penuntut remaja sesama mereka yang berlainan jantina.

3.6. Implikasi pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan

Pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan membawa kepada beberapa implikasi positif dan negatif.

3.6.1. Implikasi positif

Antara implikasi positif hasil pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan ialah:

⁵⁶ 'Abdul Karim Zaidan (1994), *op.cit.*, j.3 , h.239.

⁵⁷ *ibid.*

Pertama: Memupuk kerjasama antara lelaki dan perempuan.

Allah Taala menjadikan lelaki dan perempuan dengan ciri-cirinya yang berbeza supaya mereka saling melengkapi antara satu sama lain. Firman Allah Taala

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ...

Maksudnya:

Dan orang-orang yang beriman , lelaki dan perempuan ,sebahagian mereka (adalah) penolong bagi sebahagian yang lain...

Surah al-Tawbah (9):71

Dalam konteks pendidikan, penuntut lelaki dan penuntut perempuan yang mempunyai kemampuan belajar dan pandangan yang berbeza dapat bertukar-tukar fikiran, berbincang dan menjalin kerjasama yang positif untuk mencapai prestasi akademik yang lebih cemerlang.⁵⁸

Kedua: Memberi pendedahan kepada pergaulan dengan jantina yang berlainan.

Allah Taala telah menjadikan daya tarikan antara jantina yang berlainan sebagai satu nikmat kepada manusia. Sehubungan dengan itu Allah Taala telah berfirman:

⁵⁸ <http://www.anglefire.com>, 15 Mei 2002

زَيْنَ النَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ..

Maksudnya:

Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu wanita-wanita...

Surah Āli ‘Imran(3):14

Di dalam ayat tersebut, Allah Taala menerangkan bahawa naluri keinginan kepada jantina yang berlainan itu merupakan satu keistimewaan dan nikmat yang diberikan kepada manusia. Naluri ini timbul pada usia 16 tahun bagi lelaki dan 12 tahun bagi perempuan. Kecenderungan ini amat penting dalam kehidupan manusia yang normal agar dapat memupuk semangat saling kenal-mengenal serta mengukuhkan perpaduan dengan penuh hikmah.⁵⁹

Menurut Dr. Mustafā ‘Abd al- Wahid pergaulan lelaki dan wanita yang terbatas dengan batas-batasan syariat dapat mengawal naluri seks. Dengan itu generasi muda tidak mudah tergoda dengan jantina yang berlainan dengannya.⁶⁰

Selain daripada itu, pergaulan ini juga merupakan satu pendedahan kepada remaja tentang cara bergaul dengan jantina yang berlainan. Oleh itu mereka tidak akan merasa kekok apabila berada di medan pekerjaan yang biasanya melibatkan pergaulan antara lelaki dan perempuan.

⁵⁹ Hanafi Mohamed (1994), *Kefahaman dan Pendidikan Seks dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers, h.4.

⁶⁰ Mustafa Abdul Wahid (1995), *Krisis Sosial (Seks Bebas)*. Mohd. Sofwan Amrullah N. (terj.), Selangor: Pustaka Ilmi, h.107.

3.6.2. Implikasi negatif

Antara implikasi negatif yang timbul kesan daripada pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan ialah:

Pertama: Pencapaian akademik yang kurang memuaskan.

Kajian-kajian yang dijalankan ke atas sistem pembelajaran yang tidak mengasingkan antara pelajar lelaki dan perempuan membuktikan bahawa pergaulan antara mereka telah banyak menurunkan prestasi akademik mereka.

Satu kajian yang dijalankan di Perancis pada tahun 1981 membuktikan penggabungan sekolah menengah perempuan dengan sekolah menengah lelaki telah menyebabkan bilangan pelajar cemerlang yang layak menyertai kelas aliran sains menurun. Sehubungan dengan itu Puan Elizabeth Eljan, pakar sejarah di Universiti Uppsala, Sweden menegaskan bahawa beliau menyokong sepenuhnya sistem pendidikan yang mengasingkan antara lelaki dan perempuan.⁶¹

Penurunan prestasi ini mungkin disebabkan oleh hilangnya suasana kondusif untuk proses pembelajaran.⁶² Pelajar-pelajar terutamanya yang berada di peringkat menengah dan pengajian tinggi merupakan remaja yang sedang mengalami pelbagai perubahan fisiologi yang belum lagi mereka fahami seperti keinginan untuk berdamping dengan kawan yang berlainan jantinya dan

⁶¹ Sila lihat :Muhammad Mahmud al-Sawwāf,(t.t.) *al-Mukhattat al-Isti'māriyyah li Mukāfahah al-Islam*. h.228.

⁶² Muhammad Sa'īd Mubayyid(1988),*Ilā Ghayr al-Muhajjabāt Awwalan* . Doha, h.70.

pelbagai masalah seks yang lain.⁶³ Secara tidak langsung pergaulan mereka dalam pendidikan boleh merangsang keinginan mereka kepada jantina yang berlainan seterusnya mengurangkan daya penumpuan terhadap pelajaran.

Satu kajian yang dijalankan selama tiga tahun berturut-turut di Britain pada awal tahun 1990-an mendapati pencapaian akademik sekolah menengah perempuan jauh lebih cemerlang daripada pencapaian sekolah yang mencampurkan pelajar lelaki dan perempuan.⁶⁴

Sementara kajian oleh Wan Madzlan Wan Abdullah terhadap 70 orang mahasiswa Universiti Malaya yang dipilih secara rawak mendapati 64% daripada mereka berpendapat pergaulan bebas di kalangan mahasiswa menyebabkan kurang minat terhadap pelajaran.⁶⁵ Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Norzalina Jumiran yang mengesahkan bahawa pergaulan bebas di kalangan generasi muda menyebabkan mereka tidak minat untuk belajar.⁶⁶

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dikemukakan, pengasingan antara lelaki dan perempuan dalam pendidikan dilihat sebagai satu cara untuk mewujudkan satu suasana yang lebih kondusif untuk pembelajaran yang akan menambahkan minat dan tumpuan terhadap pelajaran. Dengan ini prestasi akademik pelajar diharap akan lebih meningkat.

⁶³ Mahmood Nazar Mohamed (1990), *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , h.216.

⁶⁴ Hafsa Ahmad Hassan (2001), *op.cit.* , h.539.

⁶⁵ Wan Madzlan Wan Abdullah (1997), "Pergaulan Bebas di Kalangan Mahasiswa Islam dan Pengaruhnya Kepada Pembentukan Peribadi Muslim –Tinjauan Khusus di Kampus Universiti Malaya" (Latihan Ilmiah , Fakulti Usuluddin, akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h.110.

⁶⁶ Norzalina Jumiran (1991), "Pergaulan Bebas Masyarakat Islam Masakini dan Pengaruhnya kepada Pembinaan Generasi Muda:Tinjauan Khusus di Wilayah Persekutuan" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya),h.86.

Kedua: Meningkatkan kadar gejala sosial.

Pergaulan bebas dalam pendidikan boleh meningkatkan kadar gejala sosial seperti pelanggaran disiplin, kerosakan akhlak , budaya *coupling* , perzinaan, kelahiran anak luar nikah dan perlakuan jenayah seperti rogol, berkelakuan tidak sopan. Senario ini berpunca daripada tahap umur remaja itu sendiri yang menghadapi beberapa masalah utama seperti penentuan identiti diri , masalah seksual dan ingin mendapat kebebasan.⁶⁷ Oleh itu pergaulan dalam pendidikan dilihat sebagai pembuka ruang kepada timbulnya gejala sosial terutamanya yang melibatkan hubungan dua jantina seperti perzinaan, kelahiran anak luar nikah dan sebagainya.

Al -A'miri berpendapat semakin banyak pergaulan bebas semakin meningkat kelahiran anak luar nikah. Ini bererti pergaulan bebas boleh membawa kepada perzinaan.⁶⁸

Satu kajian yang dijalankan oleh Persatuan Guru-guru Kebangsaan Britain telah mengesahkan bahawa pergaulan bebas dalam pendidikan di peringkat remaja telah menyumbang kepada gejala anak luar nikah di kalangan pelajar perempuan dan penggunaan pil pencegah kehamilan oleh mereka semakin meningkat.⁶⁹

⁶⁷ Puan Asmah Bee (2001), Menangani Permasalahan Remaja Masa Kini ,ceramah beliau di Hotel Sri Malaysia, Bagan Lalang, Selangor pada 5 Mei 2001.

⁶⁸ Ibn Habib al-Amiri (1993), *Ahkām al-Nazar ilā al-Muḥarramāt*, Beirut: Dār Ibn Hazm, h.8.

⁶⁹ Muḥammad Sa'id Mubayyid (1988), *op.cit.*, h.70.

Di New York lebih satu pertiga daripada bayi-bayi kelahiran tahun 1983 adalah anak luar nikah. Kebanyakan daripada mereka ialah remaja-remaja perempuan yang berumur di sekitar dua puluhan yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi atau kolej.⁷⁰

Sementara itu di Malaysia, Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Datuk Azizan Ayob, baru-baru ini mendedahkan bahawa kelahiran anak luar nikah meningkat sejak tahun 1998. Kebanyakan mereka yang terlibat adalah remaja belasan tahun di kalangan penuntut kolej swasta.⁷¹ Menurut kajian yang dijalankan oleh Wan Madzlan Wan Abdullah 34 peratus daripada 70 orang mengatakan pergaulan bebas semasa proses pendidikan menyebabkan penuntut terlibat dalam masalah jenayah.⁷² Berdasarkan implikasi-implikasi negatif tersebut dapat disimpulkan bahawa pergaulan bebas dalam pendidikan ini bertentangan dengan ruh pendidikan Islam dan banyak merosakkan akhlak remaja.⁷³

Menurut Dr.Sulaiman Nordin pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan berpunca daripada fahaman Humanisme yang menganggap manusia adalah pusat segala-galanya dan manusia adalah tuhan yang maha agung. Menurut fahaman ini pergaulan bebas digalakkan atas dasar tidak ada bezanya antara lelaki dan perempuan dari segi hak asasi dan tanggungjawab. Sebaliknya Islam

⁷⁰ al-Qardāwī, (1996), *Malāmiḥ al-Mujtama' al-Muslim alladhī Nunsyiduhu*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h.414.

⁷¹ <http://www.Utusan.com.my>, 14 Mei 2002

⁷² Wan Madzlan Wan Abdullah (1997), *op.cit.*, h.110.

⁷³ Muhammad Iqbal Siddiqi (1983), *Islam Forbids free Mixing of Men and Women*. Lahore: Kazi Publication, h.52.

mengiktiraf hak yang sama bagi lelaki dan perempuan tetapi tanggungjawab mereka adalah berlainan mengikut kemampuan dan tabiat fisiologi mereka.⁷⁴

Ketiga: Menyumbang kepada konflik kejiwaan.

Pergaulan antara lelaki dan perempuan di peringkat remaja boleh meninggalkan kesan kepada jiwa mereka. Ini kerana perasaan remaja terhadap jantina yang berlainan khususnya pada peringkat umur 16 hingga 21 tahun amat tinggi. Mereka mungkin melakukan pelbagai perlakuan yang dilarang terutamanya apabila tiada panduan dan bimbingan yang sempurna.⁷⁵

Kecenderungan terhadap jantina yang berlainan ini sentiasa bergolak di dalam diri remaja dan akan terangsang semasa pergaulan mereka dengan jantina yang berlainan. Antara bentuk pergaulan ini termasuklah pandangan, perbualan dan sebagainya. Rangsangan ini pula perlu kepada respon atau tindakbalas yang Allah Taala halalkan melalui institusi perkahwinan. Rangsangan yang tidak ada tindakbalas akan menyebabkan konflik kejiwaan yang berbentuk tekanan jiwa samada disedari oleh remaja atau tidak. Antara implikasi tekanan jiwa ini ialah merasa tidak tenang dan sukar untuk menumpukan perhatian terhadap pekerjaan atau pembelajaran.⁷⁶

⁷⁴ Sulaiman Nordin (1999), *Sejarah Pemikiran 1, Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan Orde Baru Dunia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h.118

⁷⁵ Dr.Laylā ‘Abdul Rasyid Attār (1998), *al-Jānib al-Taṭbiqī fi al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, c.2. Jeddah: Dār al-Mujtama‘, h.234.

⁷⁶ Sheikh Khālid (1998), *Tarbiyyah al-Awlad wa al-Banāt Fi Ḍau’i al-Qurān wa al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h.225.

Justeru, untuk memelihara ketenangan jiwa manusia, Allah Taala telah menutup unsur-unsur yang boleh merangsang kecenderungan ini seperti kewjipan menjaga pandangan, larangan bertabarruj bagi wanita, kewajipan menutup aurat dan larangan pergaulan bebas yang tiada batasan antara lelaki dan perempuan. Dengan itu Islam telah merawat beberapa tekanan yang merupakan penyakit sosial dalam masyarakat.⁷⁷

3.7. Kesimpulan

Islam mempunyai pandangan positif dengan mengiktiraf hak mendapatkan pendidikan bagi wanita. Bukti sejarah tamadun Islam telah menguatkan lagi hujah bahawa wanita berhak menyertai arus pendidikan. Justeru, Islam menggariskan beberapa etika pergaulan antara lelaki dan perempuan. Etika ini bukanlah satu bentuk diskriminasi tetapi adalah kawalan untuk menjaga keharmonian hubungan antara dua jantina.

Walaupun terdapat implikasi positif dan negatif di dalam pendidikan, pergaulan yang terkawal didapati lebih menyumbang kepada implikasi positif berbanding implikasi negatif.

⁷⁷ Mohammad Abdul Hakim Khayyāl (1993), *Al-Akhawāt al-Muslimāt Wa Bināi al-Urah al-Qurāniyyah*, c.2. Iskandāriyyah :Dār al-Dakwah, h.137.